

12 bayi `merdeka' dilahirkan di Hospital Tunku Azizah



Fazreenhani Mohamad Johan bersama bayi sulungnya (kiri) dan Anneseletta Peter bersama anak keduanya pada majlis sambutan Bayi Merdeka di Hospital Tunku Azizah Kuala Lumpur. - Foto NSTP/Rohanis Shukri

KUALA LUMPUR: Seramai 12 bayi dilahirkan di Hospital Tunku Azizah (HTA) di sini setakat jam 10 pagi tadi, serentak pada hari sambutan ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-67 negara hari ini.

Pengarah HTA, Dr Shamsul Anuar Kamarudin berkata daripada jumlah itu, lapan bayi perempuan yang dilahirkan secara normal dan pembedahan.

Katanya, sebagai penghargaan kepada ibu bersama bayi mereka yang dilahirkan pada tarikh keramat 31 Ogos, pihaknya mengadakan program Sambutan Bayi Merdeka.

"Program ini adalah acara tahunan oleh Jabatan Obstetrik dan Ginekologi HTA.

"Melalui program ini, ibu dan bayi merdeka yang dilahirkan di HTA menerima pelbagai sumbangan seperti barangan bayi dan bawcher tunai dari 11 badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk Pejabat Menteri Kesihatan, Mydin, Pertubuhan Warisan Anak Merdeka dan beberapa lagi.

"Terima kasih kepada semua pihak yang sudi berkongsi kegembiraan dan memberi sumbangan kepada bayi merdeka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.